

Isu 20 PTN Kelantan selesai tidak lama lagi — PM

KUALA LUMPUR 17 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa isu pertukaran 20 orang pegawai tadbir negeri (PTN) di Kelantan akan dapat diselesaikan tidak lama lagi.

Beliau berkata, isu tersebut tidak membimbangkan kerajaan kerana ia boleh diselesaikan sama ada di peringkat kerajaan negeri mahupun Kerajaan Pusat.

"Kita tidak bimbang kerana masalah itu boleh diselesaikan. Tunggulah masanya nanti," katanya ketika ditemui oleh para pemberita selepas merasmikan Ekspo Elektронika '88 di Angkasapuri di sini pagi ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas langkah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Kelantan membatalkan perintah pertukaran 20 PTN yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) pada 13 Disember lalu.

Ekoran peristiwa itu, Utusan difahamkan semalam, bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Haji Wan Muhammad Yusoff dan seorang lagi pegawai kanan telah diminta meletakkan jawatan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat memberitahu bilakah Kerajaan Pusat akan campur tangan bagi menyelesaikan isu itu, tetapi akan berbuat demikian apabila keadaan

memerlukan.

"Ketika ini kerajaan negeri masih boleh menangani masalah tersebut dan kita akan campur tangan bila tiba masanya. Tapi saya tidak boleh beritahu, apakah dia langkah yang akan kita ambil," katanya.

Sementara itu di Melaka: Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba berkata krisis pertukaran para pegawai pentadbir Negeri Kelantan tidak menjejaskan kewibawaan kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Krisis

Malah, kata beliau, krisis itu juga tidak akan memberi implikasi buruk kepada seluruh negara.

Menurutnya, ini kerana krisis itu hanya berlaku di Negeri Kelantan dan di luar bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Bercakap kepada para wartawan di kediamannya di sini petang ini, Encik Ghafar berkata, krisis di Kelantan merupakan satu perkara yang kecil dan tidak patut diperbesar-besarkan.

Krisis di Kelantan itu

bermula apabila terdapat perbezaan dalam senarai pertukaran pegawai pentadbir negeri (PTN) yang dikeluarkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan senarai yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN).

Krisis yang bermula 4 Disember lepas menjadi bertambah buruk apabila SPN bertindak membatalkan senarai dan arahan pertukaran terhadap 20 pegawai tadbir negeri yang dikeluarkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Mengulas mengenai krisis ini, Encik Ghafar berkata: "Bagi saya perlembagaan Kelantan agak tersilap beri kuasa pada SPN. Ia boleh di-longgarkan dan harus diperbetulkan."

Ditanya tentang permintaan Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Datuk Haji Mohamad Yaacob supaya Kerajaan Pusat campur tangan bagi menyelesaikan krisis itu, beliau berkata, Kerajaan Pusat hanya akan berbuat begitu bila keadaan memestikan ia campur tangan.